

▶
Toyota Corolla Cross
mencipta sensasi
tersendiri sejak ia
diperkenalkan Mac
tahun lalu.

SUV moden Toyota pilihan ramai

Toyota Corolla Cross fokus kepada keselesaan pemanduan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Sebut sahaja Toyota Corolla, pasti ramai telah mengubah tanggapan mereka mengenai model ini selepas mendapat pelbagai pembaharuan dari segenap aspek termasuk pengayaan generasi baharu.

Itu model sedan. Namun bagi meningkatkan lagi penawaran dan pemilikan Corolla, Mac tahun lalu, UMW Toyota Motor membawa masuk model kenderaan utiliti sukan (SUV) Corolla Cross yang turut mencetus fenomena dalam arena automotif tempatan.

Baru-baru ini penulis berkesempatan memandu uji varian Corolla Cross 1.8V yang ditawarkan pada harga atas jalan tanpa insurans RM134,429.

Sama seperti kebanyakan model terkini Toyota, Corolla Cross dibina menggunakan platform *Toyota New Global Architecture* (TNGA), sebuah struktur yang membolehkan kejuruteraan lebih anjal dilaksanakan serta beberapa lagi manfaat lain.

Dengan TNGA, kedudukan titik graviti lebih rendah boleh dicapai untuk meningkatkan kestabilan kenderaan, sementara kerangka badan lebih kukuh memperkayakan lagi ketahanan dan keselesaan.

Berbanding Corolla Sedan, Corolla Cross memiliki badan yang sedikit lebih pendek dengan panjang keseluruhan 4,460 milimeter (mm).

Bagaimanapun, ia lebih lebar sebanyak 45 mm dengan 1,825 mm dan 185 mm lebih tinggi dengan 1,620 mm. Ketinggian ini membolehkan jarak

kelegaan tanah dinaikkan kepada 161 mm.

SUV moden mempunyai ruang dalaman yang mirip pada kereta penumpang dengan ciri yang mengutamakan keselesaan, suatu perkara yang memang dijuarai oleh Toyota sejak 25 tahun lalu melalui model RAV4.

Corolla Cross meneruskan konsep berkenan dengan menyediakan sebuah ruang berkonsep urban dengan penjelmaan ciri premium.


Selain posisi duduk lebih tinggi, ketinggian tambahan kenderaan ini menjadikan ruang kepala lebih luas berbanding SUV pesaing lain dalam kelasnya.

Lebih menarik, varian yang dipandu uji penulis dilengkapi dengan unit Bi LED yang memberikan tahap pencahayaan lebih baik dan lampu nyalaan siang (DRL) menampilkan ciri 'tirai cahaya' yang menyuntik penampilan unik dan berkualiti ciri sama turut diberikan untuk lampu belakang.

Menjengah ke dalam kabin, tema warna utama ruang kabinnya ialah hitam dengan kemasan balutan kulit bagi



Model SUV sarat dengan pelbagai fungsi menarik dan terkini menjadi pilihan segenap masyarakat pelbagai peringkat umur.



Menggunakan enjin 1.8 liter petrol DOHC dengan Dual VVT-i, ia menghasilkan kuasa yang mencukupi untuk pemanduan terbaik.

tempat duduk, sementara penyudah cat satin digunakan pada bahagian perincian lain.

Pencahayaan LED pada bahagian pintu depan menghasilkan suasana berkualiti tinggi dan melahirkan tanggapan menarik. Untuk kemudahan pemandu pelbagai saiz, tempat duduknya didatangkan dengan ciri larasan elektrik lapan hala.

Panel instrumen pula hadir dengan rekaan sporty dengan fokus utama pada *speedometer* di tengah serta *Multi Information Display* (MID) bersaiz 4.2 inci.

Panel sembilan inci di tengah paparan pemuka pula adalah untuk paparan sistem infotainment dan audio, serta memancarkan imej dari kamera undur.

Sistem ini turut menyokong *Apple CarPlay* dan *Android Auto*. Sistem sambungan lain termasuklah *USB Mirroring*, *AUX* dan *Bluetooth*.

Sistem pintar

Selain kemudahan sistem pintar tanpa kunci untuk memudahkan lagi urusan keluar masuk dan menghidupkan enjin, Corolla Cross juga hadir dengan pintu belakang sensor kuasa elektrik yang boleh dibuka secara automatik melalui pengesanan gerak kaki pengguna.

Ia membolehkan operasi tanpa menggunakan tangan sekiranya tangan pengguna penuh kerana memegang beg atau barangan lain.

Ruang barangan yang tersedia pula mempunyai kapasiti 440 liter dan ia boleh ditingkatkan dengan merebahkan bahagian penyandar kerusi belakang.

Menyentuh mengenai penjana kuasa, Toyota Corolla Cross dikuasakan oleh enjin 1.8 liter petrol DOHC dengan Dual VVT-i yang menghasilkan kuasa 139 PS kuasa pada 6,400 rpm dengan tork 172 Nm pada 4,000 rpm.

Dengan sistem suapan minyak optimum, enjinnya menawarkan keseimbangan padu antara kuasa, ketahanan dan penjimatan bahan api.